

Solusi ‘Sharenting’ kepada Kanak-Kanak: Analisis Perbandingan Remedi Undang-undang di United Kingdom dan Malaysia

Sharenting’ Solutions for Children: A Comparative Analysis of Legal Remedies in the United Kingdom and Malaysia

NUR HAFIDAH ABD KADIR*, SAFINAZ MOHD HUSSEIN
& ZINATUL ASHIQIN ZAINOL

Received: 9-3-2025 / Accepted: 26-8-2025

ABSTRAK

‘Sharenting’, iaitu amalan ibu bapa berkongsi imej dan maklumat peribadi anak-anak mereka dalam talian, menimbulkan implikasi serius terhadap hak privasi, kesejahteraan psikologi, autonomi, dan perlindungan kanak-kanak. Meskipun risiko-risiko ini telah diketahui umum, ramai ibu bapa masih berkongsi imej dan maklumat tersebut secara berlebihan. Kanak-kanak yang terkesan mungkin berasa terancam dari segi privasi dan membantah pendedahan maklumat peribadi mereka, seterusnya mengemukakan permintaan kepada ibu bapa agar memadamkan kandungan tersebut. Secara prinsipnya, ibu bapa sepatutnya menghormati permintaan ini, namun keengganan mereka dalam sesetengah keadaan menimbulkan keperluan untuk mekanisme remedi undang-undang yang membolehkan kanak-kanak mendapatkan pemadaman kandungan yang menjejaskan kepentingan mereka. Artikel ini menganalisis permohonan injunksi berdasarkan pelanggaran kewajipan kerahsiaan, penyalahgunaan maklumat peribadi, dan pencerobohan privasi dalam konteks sharenting di United Kingdom dan Malaysia. Selain itu, ia turut mengkaji keberkesanan hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah di bawah rangka kerja perlindungan data dalam melindungi kepentingan kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan hak untuk dipadamkan menawarkan remedi yang lebih berkesan bagi kanak-kanak yang terkesan akibat sharenting. Namun, ketidakjelasan dalam tafsiran perundangan serta ketiadaan garis panduan khusus dalam konteks mekanisme pemadaman atau penghapusan data untuk kanak-kanak yang terlibat dalam sharenting menekankan keperluan untuk kajian lanjut. Oleh itu, artikel ini menekankan kepentingan garis panduan yang lebih jelas bagi memastikan keseimbangan antara hak privasi kanak-kanak dan hak ibu bapa untuk berkongsi kandungan dalam talian.

Kata kunci: ‘sharenting’; privasi kanak-kanak; ‘common law’; undang-undang perlindungan data; media sosial

ABSTRACT

‘Sharenting’, the practice of parents sharing images and personal information of their children online, raises significant legal implications concerning children’s privacy rights, psychological well-being, autonomy, and overall protection. Despite widespread awareness of the associated risks, many parents continue to engage in excessive disclosure of their children’s personal data. Children affected by such disclosures may perceive a violation of their privacy and object to the dissemination of their personal information, subsequently requesting their parents to remove the content. In principle, parents should respect such requests; however, their refusal in certain circumstances underscores the necessity for legal remedies that enable children to seek the deletion of content that compromises their interests. This article examines the applicability of injunctive relief claims based on breach of confidence, misuse of private information, and invasion of privacy in the context of sharenting in the United Kingdom and Malaysia. Additionally, it explores the effectiveness of the right to erasure and the right to object under the data protection framework in safeguarding children’s interests. Findings suggest that enforcing the right to erasure provides a more viable legal remedy for children adversely affected by sharenting. However, the lack of clear legal interpretation and the absence of specific guidelines regarding the procedural enforcement of data deletion mechanisms for children highlight the need for further legal scrutiny. Consequently, this article underscores the importance of establishing comprehensive legal guidelines to ensure an appropriate balance between children’s privacy rights and parental rights to share content in the digital sphere.

Keywords: ‘sharenting’; children’s privacy; common law; data protection law; social media

PENGENALAN

‘Sharenting’ berasal daripada gabungan perkataan ‘*sharing*’ dan ‘*parenting*’ (Collins Dictionary, 2025). Ia merujuk kepada tindakan ibu bapa yang berkongsi maklumat peribadi serta gambar anak-anak mereka di media sosial (Steinberg, 2016). Tindakan ini melibatkan pelbagai bentuk perkongsian, termasuk pemuatan naik gambar, video, atau butiran peribadi kanak-kanak yang secara tidak sengaja boleh mendedahkan maklumat sensitif mengenai kehidupan mereka. Lazimnya, ibu bapa melakukan perkara sedemikian untuk mendapatkan sokongan emosi, mendapatkan nasihat berkaitan isu keibubapaan, serta menonjolkan keupayaan mereka dalam mengasuh anak-anak (Walrave et al., 2022). Walau bagaimanapun, penyebaran secara meluas imej dan maklumat peribadi kanak-kanak di media sosial tanpa persetujuan kanak-kanak tersebut menimbulkan kebimbangan serius mengenai kesan negatif akibat perkongsian maklumat secara berlebihan (Brosch, 2016).

Kanak-kanak daripada pelbagai peringkat umur terdedah kepada amalan sharenting, dengan golongan kanak-kanak yang lebih muda lebih mudah menjadi mangsa kerana mereka mempunyai keupayaan yang terhad untuk membantah keputusan yang dibuat ibu bapa mereka (Nottingham, 2019). Kekurangan autonomi dalam penggunaan imej ini diperburukkan lagi oleh autoriti ibu bapa atau penjaga dalam membuat keputusan berkaitan kandungan yang dikongsi. Akibatnya, kanak-kanak mungkin tidak sengaja didedahkan kepada khalayak umum di media sosial, yang berpotensi menyebabkan ejekan daripada rakan sebaya atau gangguan dalam talian (Haley, 2020). Ramai kanak-kanak berasa tidak selesa apabila ibu bapa mereka memuat naik imej atau maklumat peribadi mereka di platform digital. Dalam kes yang lebih serius, tindakan ini boleh membawa kepada rasa malu yang mendalam (Stauff, 2020) serta tekanan dalam hubungan antara ibu bapa dan anak-anak (Lipu dan Siibak, 2019).

Secara idealnya, ibu bapa akan segera memadamkan gambar atau maklumat yang telah dikongsi apabila diminta oleh anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana ibu bapa enggan berbuat demikian, apakah remedi undang-undang yang tersedia bagi kanak-kanak untuk memohon pemadaman kandungan yang tidak diingini tersebut? Artikel ini menganalisis remedi undang-undang yang boleh digunakan oleh kanak-kanak dalam usaha mereka untuk mendapatkan pemadaman kandungan sharenting. Di United Kingdom, undang-undang lazim (*common law*) boleh memberikan ruang kepada kanak-kanak untuk mendapatkan perintah injunksi bagi menghentikan penyebaran kandungan dengan memadam maklumat yang dipertikaikan. Oleh itu, artikel ini akan menilai potensi mahkamah di United Kingdom dan Malaysia dalam memberikan injunksi berdasarkan tuntutan berasaskan pencerobohan privasi, pelanggaran kewajipan kerahsiaan, serta tort penyalahgunaan maklumat peribadi dalam kes sharenting.

Sebagai alternatif, kanak-kanak di United Kingdom boleh menggunakan hak untuk dipadamkan (*right to erasure*) serta hak untuk membantah (*right to object*) bagi meminta pemadaman kandungan sharenting daripada platform dalam talian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Data UK 2018 dan Peraturan Perlindungan Data Umum UK (UK GDPR) (Bessant & Schnebbe, 2022). Artikel ini akan membandingkan rangka kerja perundangan bagi kedua-dua jenis remedi undang-undang di United Kingdom dan Malaysia, dengan tujuan untuk menganalisis pilihan terbaik bagi kanak-kanak yang ingin mendapatkan pemadaman kandungan yang tidak diingini yang dimuat naik oleh ibu bapa mereka tanpa persetujuan.

RISIKO 'SHARENTING'

Budaya penggunaan media sosial yang meluas telah menyebabkan ramai ibu bapa sering berkongsi butiran mengenai kehidupan harian mereka di platform digital (Nottingham, 2019). Walau bagaimanapun, sharenting boleh membawa implikasi buruk dalam dunia sebenar. Apabila ibu bapa berterusan berkongsi maklumat dan gambar anak-anak mereka tanpa mengambil langkah berjaga-jaga, sharenting boleh berubah menjadi amalan yang berisiko, mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai ancaman, termasuk pencabulan privasi (Brosch, 2018), jenayah seksual (Bernama, 2024), pencurian identiti (Ferrara, 2023), dan lain-lain.

Pelanggaran privasi kanak-kanak dalam sharenting berlaku sebaik sahaja ibu bapa mendedahkan maklumat peribadi anak mereka dalam talian, walaupun kumpulan sasaran yang dapat melihat perkongsian itu hanya terdiri daripada keluarga dan rakan-rakan terdekat (Bessant & Schnebbe, 2022). Dunia digital yang bersifat tanpa sempadan ini memburukkan lagi risiko ini kerana ketiadaan kawalan terhadap imej yang dikongsi. Maklumat yang dimuat naik dalam talian boleh kekal walaupun ianya tidak lagi relevan, menyebabkan pendedahan yang dibuat semasa zaman kanak-kanak bersifat kekal (Steinberg, 2016). Tambahan pula, maklumat tersebut boleh disebarkan dengan lebih meluas kepada khalayak yang lebih besar serta merentasi pelbagai platform. Apabila kanak-kanak tidak mempunyai autonomi ke atas penggunaan imej mereka, isu ini sering dianggap sebagai pencerobohan terhadap hak privasi (Bunn, 2021).

METODOLOGI

Data kajian ini diperolehi dan dianalisis daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi undang-undang dan prinsip berkaitan di United Kingdom dan Malaysia, termasuk hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah di bawah rangka kerja perlindungan data, serta tindakan undang-undang melalui permohonan injunksi atas asas pelanggaran kewajipan kerahsiaan, penyalahgunaan maklumat peribadi, dan pencerobohan privasi. Kes-kes dari Malaysia dan United Kingdom turut dianalisis sebagai sebahagian daripada kajian perundangan yang dijalankan.

Di samping itu, data kajian ini turut diperolehi daripada sumber sekunder. Sumber-sumber ini merangkumi bahan perpustakaan dalam talian, laporan agensi antarabangsa, dan artikel akhbar. Sumber sekunder ini digunakan untuk menyokong analisis perundangan serta memberikan gambaran yang lebih komprehensif terhadap isu sharenting dan implikasinya terhadap hak privasi kanak-kanak.

Tujuan utama analisis ini adalah untuk menilai keberkesanan mekanisme remedi sedia ada dalam memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang terkesan akibat perbuatan sharenting, serta mencadangkan pendekatan yang lebih jelas dan berkesan bagi menjamin kepentingan terbaik kanak-kanak dalam persekitaran digital.

PERBINCANGAN

REMEDI UNDANG-UNDANG: TINDAKAN SIVIL DI BAWAH 'COMMON LAW'

Bahagian ini membincangkan remedi undang-undang pertama yang boleh digunakan oleh kanak-kanak bagi mendapatkan perintah mahkamah bagi pemadaman kandungan yang dikongsi oleh ibu bapa mereka di media sosial. Pilihan yang ada ialah dengan membuat tindakan sivil terhadap ibu bapa atas alasan pencerobohan privasi, pelanggaran kewajipan kerahsiaan (*breach of confidence*), serta penyalahgunaan maklumat peribadi (*misuse of private information*). Tuntutan bagi mendapatkan perintah injunksi bukanlah hak mutlak, sebaliknya diberikan berdasarkan budi bicara mahkamah. Ia lazimnya diberikan dalam keadaan di mana ganti rugi kewangan tidak mencukupi sebagai remedi yang wajar dan sekiranya mahkamah mendapati bahawa hak pihak yang menuntut perlu dilindungi dengan segera. Artikel ini mengkaji kes-kes di mana mahkamah di United Kingdom dan Malaysia telah mempertimbangkan permohonan injunksi yang berasaskan pencabulan privasi, serta menganalisis potensi kanak-kanak untuk menggunakan asas tindakan yang sama dalam konteks sharenting. Oleh itu, pemahaman terhadap mekanisme perundangan ini penting bagi membolehkan kanak-kanak menegakkan hak mereka dalam situasi di mana maklumat peribadi mereka telah dikongsi tanpa persetujuan.

1. Pencerobohan Privasi

Di United Kingdom, pencerobohan privasi bukanlah suatu tort yang diiktiraf di bawah undang-undang lazim (*common law*) (*Malone v Metropolitan Police Commissioner* [1979] Ch 344). Walau bagaimanapun, menurut Lord Hoffman dalam kes *Naomi Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 AC 457, tindakan ekuiti bagi pelanggaran kewajipan kerahsiaan telah lama diiktiraf sebagai kaedah perlindungan privasi. Dengan penggubalan Akta Hak Asasi Manusia 1998 (HRA 1998), peranan utama pelanggaran kewajipan kerahsiaan dalam melindungi maklumat peribadi sulit telah berkembang, sekali gus memberikan perlindungan yang lebih luas terhadap privasi. Ini membawa kepada perkembangan tort penyalahgunaan maklumat peribadi (MOPI) dalam mahkamah England. Pada awalnya, perlindungan ini berkait rapat dengan tindakan ekuiti yang telah lama wujud berkaitan dengan maklumat sulit. Namun, semakin jelas bahawa pelanggaran kewajipan kerahsiaan dan penyalahgunaan maklumat peribadi berpunca daripada asas perundangan yang berbeza serta mempunyai kepentingan yang berbeza. Tort pelanggaran kewajipan kerahsiaan melibatkan maklumat yang bersifat rahsia, manakala MOPI melibatkan perlindungan privasi seseorang sebagaimana dijelaskan oleh Lord Nicholls dalam kes *Douglas v Hello! Ltd (No 3)* [2008] AC 1. Oleh itu, MOPI kemudiannya diiktiraf sebagai tort yang berasingan dari kewajipan kerahsiaan dan memberikan perlindungan yang lebih jelas kepada individu yang maklumat peribadinya didedahkan tanpa persetujuan.

Sebaliknya, di Malaysia, mahkamah mempunyai pendirian yang berbeza sama ada pencerobohan privasi boleh diklasifikasikan sebagai tort atau tidak (Cieh, 2013). Terdapat pendapat menyatakan bahawa mahkamah Malaysia mengiktiraf tort pencerobohan privasi, namun hanya dalam kes yang melibatkan kesopanan dan maruah wanita. Pendapat ini terikat dari keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Maslinda Ishak v Mohd Tahir Osman* [2009] 6 CLJ 653, yang memutuskan bahawa pencerobohan privasi boleh menjadi asas tuntutan undang-undang. Namun, setahun kemudian, Mahkamah Rayuan dalam kes *Dr Bernadine Malini Martin v MPH Magazine Sdn Bhd* [2010] 7 CLJ 525 memutuskan bahawa tort pencerobohan privasi tidak diiktiraf di Malaysia. Kes ini kemudian diikuti dalam beberapa keputusan mahkamah yang lain,

termasuk *Ultra Dimension Sdn Bhd v Kook Wei Kuan* [2004] 5 CLJ 285, *Mohamad Izaham Mohamed Yatim v. Norina Zainol Abidin* [2015] 7 CLJ 805, dan *Toh See Wei v Teddric Jon Mohr* [2017] 11 MLJ 67. Oleh itu, masih terdapat ketidakjelasan mengenai kedudukan undang-undang berkaitan tort pencerobohan privasi di Malaysia, terutamanya dalam kes yang melibatkan pendedahan maklumat peribadi tanpa kebenaran.

Menurut Vazeer Alam J dalam kes *Mohamad Izaham Mohamed Yatim v. Norina Zainol Abidin* [2015] 7 CLJ 805, apabila terdapat percanggahan antara dua keputusan Mahkamah Rayuan, keputusan yang lebih terkini akan diberikan keutamaan. Percanggahan dalam keputusan kes ini telah menyebabkan perbezaan pandangan dalam kalangan hakim (Raphael et al., 2022). Walaupun keputusan dalam kes-kes terdahulu agak seimbang, terdapat kecenderungan untuk memihak kepada kes tahun 2009, memandangkan semakin ramai hakim cenderung bersetuju bahawa pencerobohan privasi boleh menjadi asas tuntutan dalam kes-kes yang melibatkan perlindungan kesopanan dan maruah peribadi (Trakic et al., 2023). Walau bagaimanapun, tuntutan ini tidak meliputi privasi maklumat, menjadikannya tidak dapat menjadi asas yang kukuh untuk digunakan oleh kanak-kanak yang ingin mendapatkan perintah injunksi untuk memadam kandungan yang dimuat naik oleh ibu bapa. Oleh itu, cabaran utama yang dihadapi ialah bagaimana memastikan hak kanak-kanak terhadap privasi diiktiraf secara sah di bawah undang-undang Malaysia.

2. Pelanggaran Kewajipan Kerahsiaan

Istilah ‘pelanggaran kewajipan kerahsiaan’ (*breach of confidence*) merujuk kepada tindakan undang-undang yang telah dikenal pasti dengan jelas dalam kes *Megarry J dalam kes Coco v A N Clark (Engineers) Ltd* [1968] FSR 415. Dalam kes ini, mahkamah telah menggariskan tiga elemen utama bagi tindakan pelanggaran kewajipan kerahsiaan, iaitu: pertama, maklumat tersebut mestilah mempunyai ciri-ciri sulit; kedua, ia mestilah didedahkan dalam keadaan yang menimbulkan kewajipan untuk menjaga kerahsiaan; dan ketiga, terdapat penggunaan maklumat tersebut tanpa kebenaran yang menyebabkan kemudaratan kepada pihak yang mempunyai hak ke atas maklumat itu.

Dalam konteks sharenting, bagi memenuhi elemen pertama, kanak-kanak yang ingin mendapatkan perlindungan perundangan perlu membuktikan bahawa maklumat yang dikongsi oleh ibu bapa mereka adalah bersifat ‘sulit’. Dalam kes *Barrymore v News Group Newspaper Ltd* [1997] FSR 600, dinyatakan bahawa jika sesuatu maklumat dinyatakan secara jelas sebagai sulit, mahkamah lebih cenderung untuk mempertahankan status sulit tersebut. Namun, dalam kebanyakan kes sharenting, kandungan yang dikongsi oleh ibu bapa mengenai anak-anak mereka lazimnya tidak bersifat sulit. Melainkan kanak-kanak secara jelas melarang ibu bapa mereka daripada berkongsi maklumat tentang mereka di media sosial atas alasan kerahsiaan, adalah sukar untuk membuktikan bahawa maklumat tersebut mempunyai ciri-ciri sulit yang diperlukan bagi tuntutan pelanggaran kewajipan kerahsiaan.

Bagi elemen kedua, sekiranya maklumat yang dikongsi adalah sulit, kanak-kanak juga perlu membuktikan bahawa ibu bapa mereka mempunyai kewajipan untuk menjaga kerahsiaan maklumat tersebut. Dalam kes *Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 AC 547, mahkamah menjelaskan bahawa kewajipan untuk memelihara kerahsiaan wujud apabila pihak yang berkongsi maklumat itu berada dalam kedudukan di mana mereka mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa pihak lain mempunyai jangkauan privasi yang munasabah. Dalam kes sharenting, ibu bapa mungkin mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan sekiranya kanak-kanak secara peribadi

meminta mereka untuk merahsiakan sesuatu maklumat atau gambar yang tidak ingin didedahkan kepada umum (Bessant, 2018). Namun, dalam keadaan di mana ibu bapa menggunakan media sosial untuk berkongsi kehidupan anak-anak mereka sebagai sebahagian daripada penceritaan pengalaman keibubapaan mereka misalnya, mereka mungkin memberi alasan bahawa mereka hanya menggunakan hak kebebasan bersuara dan tindakan tersebut tidak melanggar kewajipan kerahsiaan.

Biarpun kanak-kanak berjaya membuktikan bahawa ibu bapa mereka mempunyai kewajipan untuk menjaga kerahsiaan, tuntutan mereka untuk mendapatkan perintah injunksi bagi menghapuskan kandungan sharenting masih lemah atas faktor pendedahan maklumat tersebut dianggap wajar atau dibenarkan oleh undang-undang. Pihak yang mendedahkan maklumat akan memberi alasan maklumat tersebut telah pun berada dalam domain awam atau perkongsian tersebut dibuat atas kepentingan awam. Sebagai contoh, ibu bapa mungkin mempertahankan tindakan mereka dengan mengatakan bahawa maklumat tersebut dikongsi dalam kalangan keluarga bagi tujuan membina hubungan kekeluargaan atau mendapatkan sokongan emosi daripada ahli keluarga dan rakan-rakan. Mereka juga boleh berhujah bahawa berkongsi pengalaman keibubapaan adalah satu bentuk penyertaan dalam perbincangan sosial yang lebih luas dan memberi manfaat kepada masyarakat (Bessant, 2018).

Tambahan, undang-undang berkaitan kewajipan kerahsiaan tidak melindungi maklumat yang telah sedia berada dalam domain awam. Dalam kes *Attorney General v Times Newspapers Ltd and Anor (Spycatcher)* (1990) 1 AC 109, mahkamah memutuskan bahawa pihak yang menuntut tidak layak untuk mendapatkan perintah injunksi bagi menghalang penerbitan selanjutnya kerana maklumat tersebut telah pun berada dalam domain awam. Keputusan ini menimbulkan persoalan sama ada media sosial boleh dianggap sebagai sebahagian daripada domain awam. Apakah kedudukan perundangan bagi ibu bapa yang menetapkan akaun media sosial mereka kepada mod persendirian, yang hanya membenarkan individu tertentu untuk melihat kandungan yang dikongsi? Adakah maklumat yang dikongsi dalam kumpulan persendirian masih boleh dianggap sebagai sulit dan dilindungi oleh prinsip kerahsiaan?

Di Malaysia, Seksyen 3(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Disemak 1972) membenarkan penggunaan *common law* England, prinsip ekuiti serta statut am dalam kes sivil sekiranya tiada undang-undang khusus yang terpakai di Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, mahkamah merujuk kepada *common law* England dan prinsip ekuiti sebagaimana yang digunakan pada 7 April 1956 (Ashgar Ali Ali Mohamed, 2023). Di Sabah dan Sarawak pula, mahkamah merujuk kepada undang-undang yang digunapakai di England pada 1 Disember 1951 dan 12 Disember 1949. Ini bermakna *common law* England yang wujud selepas tarikh-tarikh ini tidak mempunyai kuasa mengikat keputusan yang dibuat oleh mahkamah Malaysia, namun ia masih boleh dirujuk sebagai panduan dalam membuat keputusan.

Pada masa ini, mahkamah di Malaysia masih mengguna pakai prinsip kerahsiaan sebagaimana yang ditetapkan oleh mahkamah di United Kingdom, walaupun prinsip-prinsip ini wujud selepas tarikh-tarikh yang disebutkan dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Disemak 1972). Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes *Dynacast (Melaka) Sdn Bhd & Ors v Vision Cast Sdn Bhd & Anor* [2016] 3 MLJ 417 turut menegaskan bahawa maklumat yang telah berada dalam domain awam tidak boleh lagi dianggap sebagai maklumat sulit dalam tuntutan pelanggaran kewajipan kerahsiaan. Hujah mengenai domain awam sering digunakan sebagai pembelaan terhadap tuntutan pelanggaran kewajipan kerahsiaan, kerana maklumat yang telah dikongsi secara terbuka tidak lagi dilindungi di bawah doktrin ini.

Bagi kes sharenting, seorang kanak-kanak yang ibu bapanya menetapkan akaun media sosial mereka kepada mod awam mungkin akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perintah injuksi untuk memadamkan kandungan yang telah dikongsi dalam talian. Oleh kerana maklumat tersebut telah tersedia untuk tontonan umum, mahkamah berkemungkinan besar akan mengambil pendirian bahawa maklumat tersebut tidak lagi mempunyai unsur kerahsiaan yang boleh dipertahankan. Tambahan pula, sifat media sosial yang membolehkan maklumat tersebar dengan cepat menjadikan usaha untuk mengawal penyebaran maklumat peribadi menjadi lebih sukar. Oleh itu, meskipun pelanggaran kewajipan kerahsiaan boleh digunakan sebagai asas tuntutan dalam kes-kes tertentu, keberkesanannya sebagai remedi dalam kes sharenting masih belum dapat dipastikan sepenuhnya.

3. Tort Penyalahgunaan Maklumat Peribadi (MOPI)

Walaupun undang-undang berkaitan kerahsiaan telah memberikan tahap perlindungan tertentu terhadap kepentingan privasi, perlindungan ini agak terhad. Dengan penggubalan Akta Hak Asasi Manusia 1998 (HRA) di United Kingdom, skop perlindungan privasi telah diperluaskan bagi menjamin hak privasi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 8 Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia (ECHR) (Aplin, 2007). Walau bagaimanapun, hanya pada tahun 2014, melalui keputusan mahkamah dalam kes *Vidal-Hall v Google Inc* [2014] EWHC 13 (QB), tort penyalahgunaan maklumat peribadi secara rasmi diiktiraf sebagai satu tort yang berasingan dan berbeza daripada pelanggaran kewajipan kerahsiaan.

Terdapat dua elemen utama yang perlu dibuktikan bagi tuntutan tort penyalahgunaan maklumat peribadi (MOPI) sebagaimana yang diperuntukkan dalam kes *Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 AC 547. Elemen pertama ialah pihak yang menuntut mesti membuktikan bahawa mereka mempunyai jangkaan privasi yang munasabah terhadap maklumat peribadi yang telah didedahkan secara tidak wajar oleh pihak yang dituntut. Dalam konteks jangkaan privasi kanak-kanak, mahkamah akan menilai tindakan ibu bapa dan sama ada mereka mempunyai jangkaan privasi yang serupa bagi kehidupan peribadi anak mereka. Prinsip ini boleh dilihat dalam kes *Murray v Express Newspapers Plc and Anor* [2008] EWCA Civ 446, di mana mahkamah menegaskan bahawa hak privasi kanak-kanak bergantung kepada bagaimana ibu bapa membesarkan mereka. Ini menunjukkan bahawa keputusan ibu bapa dalam mendedahkan kehidupan peribadi anak mereka boleh mengurangkan jangkaan privasi kanak-kanak (*Weller and others v Associated Newspapers Ltd* [2016] 3 All ER 357). Dalam konteks sharenting, amalan ibu bapa yang secara terbuka berkongsi imej serta maklumat peribadi anak mereka menunjukkan persetujuan tersirat terhadap pendedahan tersebut. Oleh itu, mahkamah boleh mengambil pendirian bahawa kanak-kanak yang ibu bapanya kerap berkongsi maklumat mereka secara terbuka di media sosial tidak mempunyai jangkaan privasi yang tinggi.

Bagi elemen kedua, mesti terdapat gangguan yang tidak seimbang terhadap hak privasi pihak yang menuntut. Dalam kes *Re S (a child)* [2005] 1 AC 593, mahkamah akan menjalankan ujian keseimbangan (*proportionality test*) bagi menilai hak privasi plaintif berbanding hak kebebasan bersuara defendan untuk menentukan adakah satu hak telah mengganggu hak yang lain secara tidak wajar. Analisis kesepadanan ini berpandukan kepada Perkara 8(2) dan 10(2) ECHR (Brimblecombe & Fenwick, 2022). Namun, dalam banyak kes, tafsiran perundangan cenderung memihak kepada kepentingan privasi kanak-kanak sekiranya gangguan yang dibenarkan di bawah Perkara 10 didapati mendatangkan kemudaratan atau berpotensi menjejaskan kebajikan kanak-kanak, sebagaimana dalam kes *Re J (Children)* [2013] UKSC 9. Biasanya, ibu bapa akan membuat

justifikasi bahawa mereka hanya menjalankan hak kebebasan bersuara sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 10(1) untuk membenarkan sharenting. Dalam situasi seperti ini, mahkamah perlu mengambil kira risiko yang mungkin dihadapi oleh kanak-kanak akibat pendedahan tersebut sebelum menilai hak ibu bapa untuk bersuara secara bebas, mengabaikan hak privasi anak mereka.

Menurut Lord Hoffman dalam kes *Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 AC 547, tindakan undang-undang berkaitan penyalahgunaan maklumat peribadi bertujuan utama untuk melindungi autonomi dan maruah individu. Oleh itu, walaupun sesuatu maklumat telah tersebar dalam ruang awam, termasuk di media sosial, mahkamah masih boleh menganggapnya sebagai pencabulan privasi. Prinsip ini dapat dilihat dalam kes *PJS v News Group Newspapers Ltd* [2016] UKSC 26, di mana mahkamah memutuskan bahawa pendedahan mengenai hubungan seksual peribadi, walaupun membabitkan perzinaan, masih boleh dianggap sebagai satu pencabulan privasi apabila dikongsi di media sosial.

Di Malaysia, mahkamah setakat ini hanya menerima satu tuntutan berkaitan penyalahgunaan maklumat peribadi, iaitu dalam kes *Dato' Aishaf Falina binti Ibrahim v Ismail bin Othman & Ors* [2017] MLJU 2257. Menariknya, Mahkamah Tinggi tidak sepenuhnya mengikut kerangka perundangan yang digariskan dalam kes-kes di United Kingdom dalam menentukan tuntutan penyalahgunaan maklumat peribadi. Sebaliknya, mahkamah menekankan keperluan untuk membuktikan penyalahgunaan maklumat sebagai elemen utama tuntutan tersebut. Masih belum dapat dipastikan sama ada mahkamah berhasrat untuk menyimpang daripada prinsip undang-undang sedia ada atau membuat pendekatan tersendiri di bawah undang-undang lazim Malaysia.

Memandangkan tort penyalahgunaan maklumat peribadi (MOPI) masih berada di peringkat awal di Malaysia, hala tuju masa depannya masih belum jelas, sehingga terdapat lebih banyak kes yang dibawa ke mahkamah. Ketidakpastian ini menimbulkan persoalan sama ada mahkamah Malaysia akan menerima MOPI sebagai tort yang berasingan dari kewajiban kerahsiaan, seperti di United Kingdom, atau tidak. Selain itu, cabaran utama dalam melaksanakan MOPI di Malaysia adalah ketiadaan garis panduan yang jelas bagaimana prinsip ini boleh diguna pakai dalam amalan perundangan.

Tambahan pula, memandangkan landskap digital dan penggunaan media sosial di Malaysia semakin berkembang, terdapat keperluan mendesak bagi mahkamah dan badan perundangan untuk mempertimbangkan perlindungan lebih jelas terhadap privasi individu, terutama dalam konteks sharenting. Undang-undang privasi di Malaysia mungkin memerlukan pindaan atau satu peruntukan khusus bagi melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi data peribadi mereka oleh ibu bapa atau pihak lain yang berkepentingan. Jika perundangan tidak dikemas kini untuk menangani cabaran ini, kanak-kanak mungkin terus terdedah kepada risiko pencabulan privasi tanpa sebarang remedi undang-undang yang berkesan untuk melindungi hak mereka.

TUNTUTAN INJUNKSI SEBAGAI REMEDI

Dapat diperhatikan bahawa keupayaan seorang kanak-kanak untuk mendapatkan remedi undang-undang apabila privasi mereka telah dicabuli oleh ibu bapa adalah lebih terhad berbanding individu dewasa (Bessant & Schnebbe, 2022). Dalam usaha untuk memperoleh perintah injunksi bagi memadamkan kandungan sharenting, keputusan mahkamah bergantung kepada sifat maklumat yang dikongsi.

Sekiranya maklumat tersebut bersifat sulit, seperti rekod perubatan, tuntutan kanak-kanak atas pelanggaran kewajipan kerahsiaan mungkin mempunyai asas yang kukuh untuk berjaya. Sebaliknya, jika maklumat tersebut telah dikongsi di media sosial, kebarangkalian mahkamah membenarkan injunksi adalah rendah kerana maklumat itu telah berada dalam domain awam. Keadaan ini berbeza dengan tort penyalahgunaan maklumat peribadi (MOPI) yang masih boleh memberikan perlindungan kepada data peribadi yang telah didedahkan dalam talian. Selain itu, mahkamah lazimnya tidak akan melindungi hak privasi kanak-kanak sekiranya ibu bapa mereka sendiri yang mendedahkan maklumat peribadi itu di media sosial (Gligorijević, 2019).

Tambahan pula, halangan kewangan dan prosedur perundangan yang kompleks menyukarkan seorang kanak-kanak untuk membawa kes ini ke mahkamah. Kos guaman yang tinggi serta keperluan bukti yang ketat menjadikan tuntutan injunksi satu cabaran besar bagi kanak-kanak yang ingin menuntut perlindungan hak privasi mereka.

REMEDY UNDANG-UNDANG: PENGUATKUASAAN HAK DI BAWAH UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN DATA

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa terdapat pelbagai cabaran yang timbul bagi kanak-kanak yang ingin mendapatkan perintah injunksi bagi memadamkan kandungan sharenting. Sebagai alternatif, mereka boleh menggunakan undang-undang perlindungan data bagi mendapatkan pemadaman kandungan yang tidak diinginkan yang dimuat naik oleh ibu bapa mereka di media sosial (Gligorijević, 2019). Di United Kingdom, undang-undang perlindungan data yang terpakai pada masa ini adalah Akta Perlindungan Data (DPA) 2018 dan Peraturan Perlindungan Data Umum (*General Data Protection Regulation*) UK (UK GDPR). UK GDPR merupakan adaptasi kepada EU GDPR setelah 'Brexit', di mana peraturan Kesatuan Eropah (EU) kekal terpakai di UK sehingga tempoh peralihan tamat pada 31 Disember 2020. Selepas tarikh tersebut, undang-undang EU tidak lagi terpakai secara langsung di UK. Artikel ini mengkaji sama ada kanak-kanak yang terkesan oleh sharenting boleh menguatkuasakan hak mereka sebagai subjek data berdasarkan peruntukan dalam undang-undang perlindungan data UK, yang memberikan hak kepada individu untuk meminta pemadaman data peribadi mereka.

1. Hak untuk Dipadamkan (*Right to Erasure*)

Perkara 17(1) UK GDPR membenarkan subjek data untuk meminta pengawal data memadamkan data peribadi mereka atau menghadkan pemrosesannya. 'Data peribadi' didefinisikan sebagai sebarang maklumat yang berkaitan dengan individu yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti (Seksyen 3(2) Akta Perlindungan Data 2018), manakala 'subjek data' merujuk kepada individu yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti kepada siapa data peribadi itu berkaitan (Seksyen 3(5) Akta Perlindungan Data 2018). Selain itu, 'pengawal data' merujuk kepada individu atau entiti yang menentukan atau terlibat dalam menentukan tujuan serta kaedah pemprosesan data peribadi.

Perkara 17(1)(a) menyatakan bahawa hak untuk dipadamkan boleh dimohon apabila data peribadi tidak lagi diperlukan bagi tujuan asal pemrosesannya. Perkara 17(1)(b) pula membenarkan subjek data untuk meminta pemadaman sekiranya pemrosesan berdasarkan persetujuan, dan subjek data menarik balik persetujuan tersebut. Persetujuan kanak-kanak juga merupakan aspek yang penting dalam menentukan keabsahan pemrosesan data di bawah Perkara 17(1)(f), yang membolehkan kanak-kanak memohon pemadaman maklumat yang telah dikongsi dengan perkhidmatan masyarakat maklumat dengan persetujuan mereka sendiri. Namun, jika seorang kanak-kanak

masih terlalu muda, mereka tidak boleh memberikan persetujuan yang sah. Persoalan masih belum jelas sama ada ibu bapa boleh memberikan persetujuan bagi pihak anak mereka dan sama ada kanak-kanak boleh menarik balik persetujuan tersebut apabila mereka mencapai tahap kematangan yang mencukupi. Pejabat Pesuruhjaya Maklumat UK (ICO) masih belum memberikan garis panduan khusus berkaitan perkara ini.

Tambahan pula, Perkara 17(1)(d) menyatakan bahawa hak untuk dipadamkan boleh digunakan jika data peribadi telah diproses secara tidak sah, contohnya apabila ibu bapa gagal memenuhi salah satu syarat pemprosesan sah dalam Perkara 6(1) atau mengabaikan kewajipan mereka untuk memaklumkan subjek data (anak mereka) mengenai cara data mereka diproses. Selain itu, Perkara 17(1)(c) boleh digunakan sekiranya kanak-kanak dapat menguatkuasakan hak mereka untuk membantah pemprosesan di bawah Perkara 21. Keberkesanan Perkara 21(1) bergantung kepada asas sah pemprosesan yang digunakan oleh ibu bapa, khususnya sama ada sharenting mempunyai kepentingan sah yang mengatasi hak privasi kanak-kanak.

2. Hak untuk Membantah (*Right to Object*)

Perkara 21(1) UK GDPR memperuntukkan bahawa subjek data berhak untuk membantah pemprosesan data peribadi mereka pada bila-bila masa jika pemprosesan tersebut berdasarkan Perkara 6(1)(e) atau (f). Perkara 6(1)(e) terpakai apabila pemprosesan diperlukan bagi memenuhi kepentingan awam atau bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada pengawal data. Perkara 6(1)(f) pula terpakai apabila pemprosesan dilakukan bagi memenuhi kepentingan sah pengawal data atau pihak ketiga, melainkan kepentingan tersebut kurang penting dari hak atau kebebasan subjek data, khususnya apabila subjek data ialah kanak-kanak yang memerlukan perlindungan data peribadi yang lebih ketat.

Selepas sesuatu bantahan dibuat, pengawal data mesti menghentikan pemprosesan data kecuali mereka dapat memberikan justifikasi yang kukuh untuk meneruskannya atau jika pemprosesan diperlukan untuk prosiding undang-undang. Recital 69 UK GDPR meletakkan beban kepada pengawal data untuk membuktikan bahawa kepentingan sah mereka mengatasi hak dan kebebasan subjek data jika mereka enggan menghentikan pemprosesan. Dalam konteks sharenting, ibu bapa lazimnya mendakwa mereka mempunyai kepentingan sah untuk berkongsi kandungan tersebut di media sosial.

3. Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (Akta 709)

Di Malaysia, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) (Akta 709) memberikan beberapa hak kepada individu berkenaan pemprosesan data peribadi mereka. Hak-hak tersebut termasuk: hak untuk mengakses data peribadi, hak untuk membetulkan data peribadi (Seksyen 34), hak untuk menarik balik persetujuan (Seksyen 38), hak untuk menghalang pemprosesan data yang boleh menyebabkan kemudaratan atau tekanan (Seksyen 42), dan hak untuk menghalang pemprosesan bagi tujuan pemasaran langsung (Seksyen 43). Hak-hak ini serupa dengan hak subjek data di bawah GDPR (Islam et al., 2021). Namun, tidak seperti GDPR, PDPA tidak memperuntukkan hak untuk dipadamkan, dan hak untuk membantah hanya terpakai dalam keadaan tertentu iaitu: 1) apabila pemprosesan boleh menyebabkan kemudaratan atau tekanan (Seksyen 42(1) PDPA) dan 2) apabila data peribadi diproses untuk tujuan pemasaran langsung (Seksyen 43(1) PDPA).

Baru-baru ini, pindaan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia, dan pelaksanaannya kini sedang dijalankan secara berperingkat bagi memperkukuhkan rangka kerja perlindungan data negara (Wilson, 2025). Usaha untuk mengkaji semula PDPA bermula pada tahun 2018 apabila kerajaan menyedari peningkatan jumlah pelanggaran data yang ketara merentasi pelbagai sektor, yang telah menimbulkan cabaran dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan PDPA. Pihak berkepentingan daripada pelbagai industri, badan pengawal selia, institusi kerajaan, serta ahli akademik telah mengambil bahagian dalam beberapa siri bengkel yang dianjurkan bagi membincangkan strategi untuk memperkukuhkan Akta ini. Hasil daripada sesi perbincangan tersebut, sebanyak 22 cadangan penambahbaikan telah dikemukakan. Antara pindaan utama yang telah diperkenalkan termasuk hak kebolehpindahan data (data portability rights), keperluan untuk pelaporan mandatori bagi pelanggaran data peribadi, peningkatan kewajipan pematuhan bagi pemproses data, serta keperluan untuk melantik Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officers) bagi memastikan pematuhan yang lebih ketat dalam pemrosesan maklumat peribadi.

Namun begitu, cadangan untuk memperkenalkan hak untuk dipadamkan tidak dimasukkan dalam penambahbaikan yang dicadangkan mahupun dalam pindaan akhir yang diluluskan. Ketiadaan hak ini dalam PDPA menimbulkan persoalan mengenai sejauh mana kanak-kanak di Malaysia boleh memohon pemadaman kandungan yang dimuatnaik oleh ibu bapa mereka.

HAK UNTUK DIPADAMKAN DAN HAK UNTUK MEMBANTAH SEBAGAI REMEDI

Prima facie, hak untuk dipadamkan di bawah Perkara 17 serta hak untuk membantah di bawah Perkara 21 UK GDPR dilihat mampu memberi penyelesaian bagi membantu kanak-kanak mendapatkan pemadaman kandungan sharenting (Bunn, 2021). Namun, keberkesanan peruntukan ini masih menjadi persoalan. Bagi hak untuk dipadamkan, ibu bapa boleh berhujah bahawa mereka hanya menjalankan hak kebebasan bersuara dan hak untuk mendapatkan maklumat. Manakala, bagi hak untuk membantah, mereka boleh mendakwa bahawa mereka mempunyai kepentingan sah yang mengatasi hak privasi anak-anak mereka.

Selain itu, dari segi penguatkuasaan hak-hak ini, UK GDPR sendiri tidak mempunyai garis panduan khusus tentang bagaimana kanak-kanak boleh menguatkuasakan hak ini, terutama dalam menentukan cara yang sesuai untuk mengimbangi hak ibu bapa sebagai pengawal data untuk berkongsi maklumat dengan hak privasi kanak-kanak (Bessant & Schnebbe, 2022). Walaupun GDPR secara jelas memperuntukkan bahawa kanak-kanak layak mendapat perlindungan khas berkaitan data peribadi mereka, sebagaimana yang dinyatakan dalam Recital 38 UK GDPR, dan Pejabat Pesuruhjaya Maklumat UK (ICO) telah menyatakan bahawa hak untuk dipadamkan lebih berpotensi untuk berjaya bagi subjek data yang terdiri daripada kanak-kanak (ICO, 2022), pelaksanaan praktikal ujianimbangan ini masih tidak jelas.

Satu lagi kebimbangan utama yang dibangkitkan adalah sama ada UK GDPR mengiktiraf ibu bapa yang melakukan sharenting sebagai pengawal data memandangkan terdapat pengecualian untuk 'aktiviti peribadi atau isi rumah' di bawah Perkara 2(2)(c) UK GDPR. Di UK, terdapat dua tafsiran yang berbeza mengenai pengecualian aktiviti peribadi atau isi rumah.

Pandangan pertama adalah berdasarkan pendekatan ICO, yang menyatakan bahawa pengecualian ini terpakai apabila seseorang individu berkongsi maklumat dalam talian dalam kapasiti peribadi semata-mata untuk tujuan domestik atau rekreasi, tanpa mengambil kira jenis data, kandungan maklumat yang didedahkan, atau jumlah individu yang boleh mengakses maklumat tersebut (ICO, 2024). Pendekatan ini disokong oleh Recital 18 UK GDPR, yang

mengesahkan bahawa aktiviti peribadi atau isi rumah boleh merangkumi ‘menjalin hubungan sosial dan aktiviti dalam talian yang dilakukan dalam skop ini’. Jika pengecualian ini ditafsirkan sebegini, ibu bapa tidak boleh dianggap sebagai pengawal data bagi tujuan GDPR, dan ini bermakna kanak-kanak tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan mana-mana hak subjek data terhadap ibu bapa mereka.

Pandangan kedua pula menyatakan bahawa pengecualian ini tidak terpakai bagi aktiviti di mana pemprosesan data peribadi melibatkan ‘penerbitan di internet sehingga data tersebut boleh diakses oleh jumlah orang yang tidak terhad’. Tafsiran ini berdasarkan keputusan dalam kes *Bodil Lindqvist v Åklagarkammaren i Jönköping* (Case C-101/01) [2003] ECR I-12971, yang memutuskan bahawa pengecualian isi rumah di bawah Artikel 3(3) EU Directive 95/46/EC tidak meliputi penerbitan di internet yang boleh diakses oleh khalayak yang tidak terhad. Tafsiran ini membawa kepada kesimpulan bahawa ibu bapa harus diklasifikasikan sebagai pengawal data, yang akhirnya akan memberikan perlindungan privasi yang lebih baik untuk kanak-kanak.

Di Malaysia, PDPA juga memperuntukkan pengecualian bagi ‘aktiviti peribadi atau isi rumah’, sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 45(1) PDPA, yang menyatakan bahawa prinsip perlindungan data peribadi tidak terpakai ke atas pemprosesan data peribadi oleh individu bagi tujuan peribadi, keluarga, isi rumah atau rekreasi. Pengecualian ini merangkumi aktiviti seperti menyimpan gambar peribadi ahli keluarga atau maklumat berkaitan rumah tangga. Pengecualian yang luas ini selaras dengan matlamat utama PDPA, iaitu melindungi data peribadi dalam urusan niaga komersial secara eksklusif.

Tambahan pula, tidak seperti UK GDPR, PDPA tidak membenarkan individu untuk menguatkuasakan hak subjek data melalui prosiding mahkamah sivil (Yusoff, 2014). Sebaliknya, PDPA hanya boleh dikuatkuasakan melalui prosiding jenayah bagi ketidakpatuhan. Oleh kerana bidang kuasa PDPA yang terhad ini, artikel ini berpendapat PDPA tidak terpakai ke atas isu sharenting kerana ianya tidak berada di bawah bidangkuasa Akta.

Justeru, artikel ini mencadangkan untuk diwujudkan satu peruntukan khusus bagi membantu kanak-kanak mendapatkan pemadaman kandungan sharenting, seperti hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah. Namun, garis panduan yang jelas untuk menguatkuasakan peruntukan ini adalah diperlukan, dengan matlamat utama untuk menyeimbangkan antara perlindungan privasi kanak-kanak dan hak ibu bapa untuk berkongsi maklumat.

RINGKASAN PERBANDINGAN REMEDI UNDANG-UNDANG

JADUAL 1. Perbandingan Remedi Undang-Undang

Remedi Undang-undang	United Kingdom	Malaysia	Keterbatasan
Pencerooban Privasi	Tidak diiktiraf sebagai tort	Dua pendapat; diiktiraf dan tidak diiktiraf sebagai tort	Di Malaysia, tindakan undang-undang bagi pencerooban privasi hanya terhad kepada kes yang melibatkan kesopanan dan maruah wanita
Pelanggaran Kewajipan Kerahsiaan	Tiga elemen perlu dibuktikan (lihat kes <i>Coco v A N Clark (Engineers) Ltd</i>)	Serupa dengan United Kingdom	Sukar untuk membuktikan bahawa maklumat yang didedahkan bersifat sulit dalam sifatnya. Justifikasi pengecualian maklumat yang telah berada dalam domain awam
Tort Penyalahgunaan Maklumat Peribadi (MOPI)	Dua elemen perlu dibuktikan (lihat kes <i>Vidal-Hall v Google Inc</i> [2015] EWCA Civ 311)	Serupa dengan United Kingdom	Justifikasi hak ibu bapa. Aliran keputusan mahkamah cenderung melindungi privasi kanak-kanak berdasarkan usaha ibu bapa dalam melindungi mereka

Hak untuk Dipadamkan	Perkara 17(1) UK GDPR	Tiada hak untuk dipadamkan	Justifikasi kebebasan maklumat dan ekspresi.
Hak untuk Membantah	Perkara 21(1) UK GDPR	Hak untuk membantah hanya terhad kepada tujuan pemasaran langsung (Seksyen 43(1) Akta PDPA)	Pengecualian bagi aktiviti peribadi dan isi rumah Justifikasi kepentingan yang sah. Pengecualian bagi aktiviti peribadi dan isi rumah

Sumber: GDPR, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan kes perundangan

Berdasarkan analisis perbandingan di atas, artikel ini mendapati bahawa hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah, yang tidak terdapat dalam rangka kerja perundangan semasa di Malaysia, menawarkan pilihan yang lebih baik bagi kanak-kanak yang ingin menghapuskan kandungan tidak diingini yang dimuat naik oleh ibu bapa mereka. Namun, ketidakjelasan dalam mentafsir skop pengecualian ‘aktiviti peribadi dan isi rumah’ serta ketiadaan garis panduan yang jelas menimbulkan persoalan mengenai perlindungan hak kanak-kanak dalam konteks sharenting. Selain itu, ketiadaan mekanisme penguatkuasaan yang berkesan menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan rangka perundangan di Malaysia dalam menyediakan remedi yang sesuai bagi kanak-kanak yang ingin memohon pemadaman kandungan yang dikongsi oleh ibu bapa mereka.

KESIMPULAN

Sharenting kini semakin menjadi amalan biasa dalam kalangan ibu bapa atas pelbagai alasan. Seorang kanak-kanak yang membantah tindakan sharenting oleh ibu bapa mereka boleh mendapatkan perintah injunksi melalui tindakan sivil serta menggunakan hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah di bawah undang-undang perlindungan data bagi memohon pemadaman kandungan sharenting. Walaupun penguatkuasaan hak untuk dipadamkan dan hak untuk membantah kelihatan sebagai pilihan yang lebih praktikal, sejauh mana undang-undang perlindungan data mampu membantu kanak-kanak yang terkesan akibat sharenting masih belum dapat dipastikan. Oleh itu, artikel ini menyeru kepada penyelidikan lanjut bagi membangunkan garis panduan yang dapat membantu kanak-kanak dalam membuat permohonan untuk memadamkan kandungan sharenting, dengan matlamat utama untuk mencapai keseimbangan antara perlindungan privasi kanak-kanak dan hak ibu bapa untuk berkongsi maklumat.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh ‘Geran Kompetitif Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia’ di bawah kod projek UU-2023-005.

RUJUKAN

- Aplin, T. (2007). The future of breach of confidence and the protection of privacy. *Oxford University Commonwealth Law Journal*, 7(2), 137-173.
- Ashgar Ali Ali Mohamed, A. Y., Muhamad Hassan Ahmad. (2023). *Malaysian Legal System* (M. H. A. Ashgar Ali Ali Mohamed, Ed. Third ed.). CLJ Malaysia Sdn. Bhd.
- Bernama. (17 Jan 2024). Guidelines to be developed for Data Protection Act, says Digital Minister. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/17/guidelines-to-be-developed-for-data-protection-act-says-digital-minister>
- Bernama. (2024, 25 January 2024). Sharing children's daily activities on social media is a sex crime risk. *New Straits Times*.
<https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1005753/sharing-childrens-daily-activities-social-media-sex-crime-risk>
- Bernama. (4 July 2024). Cabinet approves PDPA amendments, to be tabled this session, says Digital Minister. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/04/cabinet-approves-pdpa-amendments-to-be-tabled-this-session-says-digital-minister>
- Bessant, C. (2018). Sharenting: balancing the conflicting rights of parents and children. *Communications Law*, 23(1), 7-24.
- Bessant, C., & Schnebbe, M. (2022). Does the GDPR offer a solution to the problem of sharenting? *Datenschutz und Datensicherheit-DuD*, 46(6), 352-356.
- Brimblecombe, F., & Fenwick, H. (2022). Protecting private information in the digital era: making the most effective use of the availability of the actions under the GDPR/DPA and the tort of misuse of private information. *Northern Ireland legal quarterly*, 73(AD1), 26-73.
- Brosch, A. (2016). When the child is born into the Internet: Sharenting as a growing trend among parents on Facebook.
- Brosch, A. (2018). Sharenting—Why do parents violate their children’s privacy? *The New Educational Review*, 54, 75-85.
- Bunn, A. (2021). Unwanted distribution of children's images and the right to development. *The Modern Law Review*, 84(2), 334-370.
- Cieh, E. L. Y. (2013). Personal data protection and privacy law in Malaysia. *Beyond Data Protection: Strategic Case Studies and Practical Guidance*, 5-29.
- Collins Dictionary. (2024). Retrieved 7 Mac 2025, from <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/sharenting>
- Commissioner, C. s. (2018). *Life in 'likes': Children's Commissioner Report into Social Media Use Among 8-12 Year Olds*.
- Ferrara, P., Cammisa, I., Corsello, G., Giardino, I., Vural, M., Pop, T. L., Pettoello-Mantovani, C., Indrio, F., & Pettoello-Mantovani, M. (2023). Online “Sharenting”: The Dangers of Posting Sensitive Information About Children on Social Media. *The Journal of Pediatrics*, 257.
- Gligorijević, J. (2019). Children’s privacy: The role of parental control and consent. *Human Rights Law Review*, 19(2), 201-229.
- Haley, K. (2020). Sharenting and the (potential) right to be forgotten. *Ind. LJ*, 95, 1005.

- Information Commissioner's Office (ICO). (2022). *Children and the GDPR*. <https://ico.org.uk/media/for-organisations/uk-gdpr-guidance-and-resources/childrens-information/children-and-the-uk-gdpr-1-0.pdf>
- Information Commissioner's Office (ICO). (2024). *A guide to the data protection exemptions*. <https://ico.org.uk/for-organisations/uk-gdpr-guidance-and-resources/exemptions/a-guide-to-the-data-protection-exemptions/>
- Islam, M. T., Munir, A. B., & Karim, M. E. (2021). Revisiting the right to privacy in the digital age: A quest to strengthen the Malaysian data protection regime. *JMCL*, 48, 49.
- Leaver, T. (2020). Balancing privacy: sharenting, intimate surveillance, and the right to be forgotten. In *The Routledge companion to digital media and children* (pp. 235-244). Routledge.
- Lipu, M., & Siibak, A. (2019). 'Take it down!': Estonian parents' and pre-teens' opinions and experiences with sharenting. *Media International Australia*, 170(1), 57-67.
- Mark Warby QC, A. S., and David Hirst. (2011). Misuse of Personal Information. In N. M. Mark Warby QC, and Iain Christie (Ed.), *Tugendhat and Christie: The Law of Privacy and the Media* (Second ed.). Oxford University Press Inc.
- Nottingham, E. (2019). 'Dad! Cut that part out!': Children's rights to privacy in the age of 'generation tagged': sharenting, digital kidnapping and the child micro-celebrity. In *The Routledge international handbook of young Children's rights* (pp. 183-191). Routledge.
- Public Consultation Paper No. 01/2020: Review of Personal Data Protection Act 2010 (Act 709)*. (2010).
- Qistina Sallehuddin, N. A. M. R. (10 July 2024). Amendment to Personal Data Protection (PDP) Act 2010 tabled for first reading. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1074611/amendment-personal-data-protection-pdp-act-2010-tabled-first-reading>
- Raphael Ren, S. T. G., Sujata Balan. (2022). Is there a Private Right to Privacy in Malaysia? *IJUM Law Journal*, 30(1), 1-32.
- Stauff, S. (2020). Parenting in the Public Eye. *Communication Senior Capstones*, 18.
- Steinberg, S. B. (2016). Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory LJ*, 66, 839.
- Trakic, A., Karim, R., & Tajuddin, H. H. A. (2023). It is time to recognize the tort of invasion of privacy in Malaysia. *International Data Privacy Law*, 13(4), 299-312.
- Walrave, M., Verswijvel, K., Ouvrein, G., Staes, L., Hallam, L., & Hardies, K. (2022). The Limits of Sharenting: Exploring Parents' and Adolescents' Sharenting Boundaries Through the Lens of Communication Privacy Management Theory. *Frontiers in Education*,
- Yusoff, Z. M. (2014). *Protection of Privacy Law in Malaysia: A Law for the Future* [Victoria University of Wellington]. Victoria University of Wellington.

Nur Hafidah Abd Kadir (Penulis Koreponden)
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil,
Dengkil 43800, Selangor, Malaysia
Emel: nurhaf0036@uitm.edu.my

Safinaz Mohd Hussein
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: finaz@ukm.edu.my

Zinatul Ashiqin Zainol
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: shiqin@ukm.edu.my